

Headline	Penangan dibuli di alam siber		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	24	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhd Izawan Baharin	AdValue	RM 5,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,790



# *Penangan dibuli di alam siber*

Oleh **Muhd Izawan Baharin**

**“S**emua orang yang tinggal di O’Fallon (Missouri, Amerika Syarikat) kenal siapa awak. Awak seorang yang jahat dan semua benci awak. Hidup

awak sangat teruk. Dunia akan lebih baik tanpa awak.”

Demikian mesej terakhir yang diterima seorang remaja Megan Meier, 13, daripada seorang remaja lelaki kacak yang dikenali

menerusi laman sosial MySpace sebelum membunuh diri pada 17 Oktober 2006.

Sebelum kejadian, Megan di-

Headline	Penangan dibuli di alam siber		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	24	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhd Izawan Baharin	AdValue	RM 5,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,790

katakan bertukar puluhan mesej persahabatan dengan remaja lelaki bernama Josh Evans, 16, di laman sosial sebelum dia mengalami tekanan emosi akibat dibuli di alam siber.

Siasatan ibu bapa Megan bagaimanapun mendapati Josh Evans tidak wujud. Akaun di MySpace itu sebenarnya direka oleh seorang wanita yang juga jiran mereka se mata-mata mahu 'bergurau' dengan Megan.

Kisah ini dipaparkan di laman web [www.meganmeierfoundation.org](http://www.meganmeierfoundation.org), sebuah yayasan yang ditubuhkan ibu bapa Megan dalam usaha memberi kesedaran terhadap buli siber di Amerika Syarikat.

Bagaimana pula dengan situasi di negara kita?

Dengan perkembangan teknologi maklumat, akses ke alam siber dimudahkan dengan telefon pintar, tetapi tanpa sedar ibu bapa sedikit demi sedikit hilang kawalan untuk memantau penggunaan Internet oleh anak mereka.

Laporan Kaji Selidik Kebangsaan CyberSAFE di Sekolah 2014 yang dilancarkan baru-baru ini mendapati daripada 13,945 pelajar sekolah yang menjadi responden, seramai 3,600 mengaku pernah dibuli.

Daripada jumlah itu, sebanyak 78 peratus mengaku pernah digelar dengan nama tidak baik atau dipersenda; menerima mesej biadab (75 peratus); difitnah, disisih atau tidak dipedulikan (68 peratus); akaun laman sosial digodam (61 peratus); gambar memalukan di

peratus); gambar memalukan di muat naik pihak tertentu (58 peratus); maklumat peribadi disebar tanpa kebenaran (57 peratus) dan diugut atau dipaksa melakukan sesuatu (50 peratus).

Kajian yang dijalankan terhadap pelajar berusia 13 hingga 18 tahun di sekolah seluruh negara itu turut memberi tumpuan terhadap pemahaman mereka mengenai pembulian siber atau makna perkataan itu kepada mereka.

Maklum balas terhadap persoalan itu mengejutkan kerana 18 peratus pelajar memberi respons positif dengan menganggap ia diperbesar-besarkan dan tidak serius manakala lapan peratus lagi menganggap ia hanya berlaku di atas talian bukan di alam nyata.

**Kesan cukup teruk**

Headline	Penangan dibuli di alam siber		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	24	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhd Izawan Baharin	AdValue	RM 5,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,790

Mungkin ramai yang menganggap buli di alam siber perkara tidak penting, namun kesan terhadap mangsa sebenarnya cukup teruk. Perkara itu sudah dibuktikan apabila Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan CyberSecurity Malaysia ada menerima aduan pelajar menyatakan niat mahu membunuh diri kerana terlalu tertekan akibat dibuli selain meminta pertukaran sekolah.

Bagi mengatasi atau sekurang-kurangnya melakukan tindakan yang betul, Laporan Kaji Selidik Kebangsaan CyberSAFE di Sekolah 2014 mengesyorkan akses orang ramai terhadap pendidikan keselamatan Internet perlu dipertingkatkan selain pembinaan keupayaan dalam kalangan ibu bapa dan kakitangan sekolah memberi nasihat yang sesuai kepada kanak-kanak yang memerlukan.

Ini kerana kanak-kanak menganggap dunia siber sama seperti alam realiti. Sehubungan itu, ibu bapa perlu mendidik perilaku anak di alam siber sama seperti alam realiti serta mengetahui tabiat Internet anak menerusi perbualan, menetapkan peraturan asas tertentu, terbuka terhadap isu sensitif, berkongsi pengetahuan teknologi terkini dengan anak dan menjadi penyokong terkuat mereka seterusnya membantu menyelesaikan masalah.

Pihak penyedia talian Internet termasuk syarikat telekomunikasi juga boleh memainkan peranan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat umpamanya menyertakan risalah buli siber yang disediakan CyberSecurity Malaysia secara percuma kepada pelanggan mereka.

Kita mungkin tersenyum melihat individu tertentu menjadi bahan 'parodi' atau 'troll' di Internet namun kita tidak pernah terfikir bagaimana kesengsaraan mereka menghadapi cemuhan oleh orang yang tidak pernah mereka kenal.

**Penulis Pengarang Berita**  
**Harian Metro**

Headline	Penangan dibuli di alam siber		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	24	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhd Izawan Baharin	AdValue	RM 5,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,790

